

Ibu bapa dinasihati menggalkan anak2 minum susu

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

KUALA LUMPUR. Isnin — Ibu bapa dinasihati supaya menggalkan anak-anak mereka minum susu sebagai makanan tambahan dan menjauhi "makanan jeruk" demi menjaga kesihatan dan kecerdasan ketika menghadapi pelajaran.

Isteri Perdana Menteri, Datin Sri Dr Siti Hasmah Haji Md Ali berkata, susu adalah satu bahan makanan yang sempurna dan mengandungi zat-zat yang sesuai untuk pembesaran kanak-kanak.

Berucap melancarkan Projek Susu Sekolah peringkat kebangsaan di sini hari ini, beliau mene-

gaskan, bila seseorang murid sihat dia mempunyai kemungkinan yang besar untuk menjadi seorang pelajar yang pintar dan cerdas.

"Malah generasi muda yang sihat akan dapat menyumbangkan tenaga mereka kepada pembangunan negara di masa akan datang," tegasnya.

Turut hadir di majlis perancangan projek ini ialah Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Tan Tiong Hong selaku Pengerusi Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah dan Pengarah Sekolah-Sekolah Datuk Haji Idris Haji Tain selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelancaran Projek Susu Sekolah.

Menurut sumber-sumber pula, di bawah projek yang dilancarkan hari ini lebih dari setengah juta murid-murid sekolah rendah dari 850 buah seluruh Semenanjung akan mendapat manfaat.

Dua kotak susu seminggu adalah diperuntukkan bagi setiap murid di sekolah yang terpilih iaitu 143 di Wilayah Persekutuan, 82 di Kedah, 88 di Perak, 59 di Selangor, 39 di Negeri Sembilan, 71 di Melaka, 98 di Johor, 37 di Pahang, 82 di Terengganu, 37 di Kelantan dan 44 di Perlis.

Oleh kerana projek yang dilancarkan hari ini adalah satu perolej di peringkat pertama, sekiranya ia didapati berjaya, ada kemungkinan besar ia diperluaskan ke

seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak di tahun depan, tambah sumber itu.

Datin Sri Dr Siti Hasmah, dalam ucapan-nya itu, seterusnya menjelaskan slogan "Rakyat Sihat Negara Maju" memang tepat kerana berasaskan pengeluaran negara-negara maju, perkembangan kesihatan adalah punca pembangunan negara keseluruhan.

Membaiki

Katanya, keadaan ini bukan sahaja menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi tetapi juga membaiki aspek-aspek sosial di dalam sebuah negara itu.

Bellau memuji pihak-pihak berkuasa yang berusaha menjayakan Projek Susu Sekolah dan berharap ibu bapa dapat bekerjasama menjayakannya demi kepentingan anak-anak mereka sendiri.

"Saya berharap Persatuan Ibu bapa dan Guru-guru dan lain badan-badan sukarela dapat menaja projek ini terutama untuk membiayai murid-murid yang benar-benar memerlukan makanan tambahan ini tetapi tidak mampu mendapatkannya," ujarnya.

Sebagai permulaan projek anjuran bersama Kementerian Pelajaran dengan Syarikat Nutritional Products Sdn. Bhd. hanya menyediakan bekalan susu perasa coklat dengan harga 30 sen sekotak di beberapa sekolah pilihan, tetapi bagi anak-anak miskin dan yang tidak mampu, susu itu diberi secara percuma.

Projek ini pernah diadakan dalam tahun 50-an dulu ketika penjajahan British dan tertumpu kepada beberapa aspek iaitu meninggikan kesihatan dan kecergasan murid-murid sekolah, pengendalian dan pengawasan yang berkesan dan licin, keperluan untuk berjimat cermat dan konsep persyarikatan Malaysia.